



Majlis gemilang

MAJLIS 48 tahun *Wanita* telah disambut dengan meraihan 12 anugerah ikon-ikon penghias kulit hadapan.

Kemuncak majlis, buat julung kali diperkenal Anugerah Tokoh Wanita (ATW) yang didedikasikan kepada isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor, yang hadir sebagai tetamu kehormat.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim serta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nancy Shukri.

Turut hadir Pengarah Urusan Kumpulan Utusan, Datuk Mohd. Noordin Abbas; Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Abdul Aziz Ishak; Timbalan Ketua Pengarang Kumpulan, Datuk Othman Mohamad; Pengerusi Eksekutif DSN Group, Datuk Seri Mohamad Suparadi Md. Noor; Pengasas Produk Sweedskin, Datin Seri Siti Noor Asikin Muhammad; dan Pengarah Eksekutif merangkap

Ketua Pengarang Majalah Utusan Karya Sdn. Bhd., Arffin Nordin.

Berkonsepskan minum petang, majlis itu telah mendapat tajaan utama daripada produk kecantikan Sweedskin keluaran SNA Wellness Internationl Sdn. Bhd yang juga merupakan syarikat bawah DSN Group, selain Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, serta Mimosa Fabrics.

Para tetamu turut dihiburkan dengan persembahan tarian pembukaan daripada kanak-kanak Aura Tari, peragaan pentas fesyen dari Mimosa Fabrics dan nyanyian daripada artis terkenal, Siti Sarah dan Dayang Nurfaizah.

Tetamu yang bertuah turut membawa pulang hadiah cabutan bertuah berupa pakej percutian ke Turki, baucer penginapan hotel, kad pembelian barangan berjenama, barang elektrik dan pelbagai hadiah menarik lain.



KUMPULAN penari cilik begitu gembira apabila peluang bergambar bersama Rosmah Mansor.